

PM tanya kenapa PAS kafirkan UMNO tidak jadi sasaran

UM 9 NOV 1984

KEMAMAN 8 Nov. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hairan kenapa masalah debnt begitu penting diperkatakan tetapi tiadakan PAS mengkafirkan orang UMNO tidak pula dijdikan sasaran.

Menurutnya: "Ada kalangan marah-maraha n menyatakan debat itu haram tetapi mereka tidak pula marah bila PAS menuduh orang UMNO kafir dan sebagainya."

Berucap merasmikan gerak kerja 2 hari Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan melancarkan peraduan menulis cerita kanak-kanak di Kem Pukup Semangat di

sini pagi ini, beliau menegaskan:

Tidak ada cara lain untuk memerangi PAS yang membuat tuduhan termasuk mengkafirkan UMNO selain dari mengadakan debat terbuka untuk didengar dan disaksikan oleh orang ramai. Ini disebabkan PAS sering memutarbelitkan agama untuk kepentingan politik dan diri sendiri dengan tidak sedikit takut kepada Tuhan, katanya.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Besar Terengganu Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sri Sanusi Junid dan Ketua Pergerakan Wanita, Datin Paduka Rafidah Aziz.

Perdana Menteri berkata debat itu hanya untuk

mengetahui, adakah orang-orang UMNO itu kafir dan kalau jawapan diterima sebagai, "Ya" kita tunjukkan dia itu tidak betul."

Bagaimanapun, katanya, UMNO mengakui debat itu tidak dapat menyelesaikan masalah atau enentukau siapa yang sebenarnya kafir kerana tidak ada yang boleh mengkafirkannya," mungkin bukan UMNO yang kafir sebaliknya PAS yang kafir."

Bellau berkata, bukan PAS yang tidak mempunyai apa-apa kelebihan itu boleh menentukan seseorang itu kafir, tapi sebuah badan Islam yang ditubuhkan di negara ini.

"Kita sanggup serahkan kepada badan fatwa itu untuk menentukan sama ada UMNO kafir atau PAS ka-

fir dan saya yakin kita adalah di pihak yang benar, kita tetap Islam, kerana kita sentiasa berpegang kuat kepada agama Islam yang maha suci," ujarnya.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO menambah bahawa selama ini pemimpin UMNO tidak pernah menyuruh orang-orang UMNO mengkafirkan sesiapa sebab perjuangan UMNO menegakkan satu masyarakat Islam yang nilainya baik.

Oleh itu, UMNO mesti mempertahankan maruah dari tuduhan yang bukan-bukan, kerana orang-orang UMNO tetap Islam, cuma antaranya ada membuat dosa, sama juga seperti PAS yang banyak membuat dosa.

Ini, ujarnya, tidak bermakna seseorang yang ber-

buat dosa seperti makan daging babi, meninggalkan sembahyang dan lain-lain itu sebagai kafir, kerana tidak ada golongan umat Islam boleh dianggap kafir selain dari pengikut Qadiani di negara ini.

Menurutnya, soal kafir adalah soal besar bagi umat Islam, walaupun sebanyak mana dosa yang dilalui oleh seseorang itu, ia cepat sensitif bila dituduh kafir.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menyatakan akibat dari perbuatan buruk segolongan dari kalangan mereka yang menuduh UMNO sebagai kafir berlakulah pecah belah di kalangan umat Islam sehingga menyebabkan sembahyang dua imam, nikah duo kali dan lain-lain lagi.